

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

SIRAH TAHAP ASAS



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Edisi Pertama

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

SIRAH TAHAP ASAS



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Edisi Pertama

Cetakan Pertama, 2021
©Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 2021

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindah kepada bentuk lain sama ada dalam bentuk termasuk elektronik, mekanikal, gambar, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa mendapat izin daripada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

ISBN 978-967-26038-0-1

Dr. Azri Bhari, Prof Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani,
Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif

1. Pengajian Untuk Mualaf
2. Pengajian Sirah Tahap Asas- Religious Aspects-Islam
I.Judul

Penerbit

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
Ibu Pejabat PERKIM Kebangsaan
Tingkat 4 & 6, Bangunan PERKIM
150, Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh)
51200 Kuala Lumpur

Laman sesawang: www.perkim.net.my
Tel: 03-40412482/ 03-40426224
Faks: 03-40427403
Website: <https://perkim.net.my>
Emel: info@perkim.net.my

Pencetak

Sarjana Media Sdn. Bhd.
No.38, Jalan Usahawan 7 Off Jalan Kilang
Taman Sri Rampai,Wilayah Persekutuan
53300 Kuala Lumpur
Tel 03 41417424

EDITORIAL

Penasihat

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor

Ketua Editor

Tuan Haji Mamat Che Chik

Penolong Ketua Editor

Dr. Suariza@Hidayah Muhammad

Editor

Encik Muhammad Farhan Tee Abdullah

Encik Muhammad Jais Mariappan Abdullah

Puan Siti Munirah Sayed Mohd Hamdan

Puan Nur Syahirah Musa

Encik Abdul Qawi Navine Abdullah

Encik Mohd Yusoff Ahmad

Encik Ghazali Ismail

Encik Mohamad Nizam Abd Razak

Cik Zaatil Hidaayah Ahmad Bustaman

Puan Wan Zubaidah Wan Yusoff

Puan Rukiah Sungip

Encik Zafri Ismaiskandar Abdul Ghani

Encik Sh Muhammad Amiruddin Sh Sulaiman

Haji Khalid Mohd Noor

Encik Syed Azman Syed Ariffin

Puan Siti Nasryah Rosli

Encik Muhammad Faiz Md Yusoff

Haji Mohd Subri Jaafar

Puan Rosnaliza Ahmadiah

Puan Aishah Abdul Wahab

Encik Mohd Jogi Panjaitan Maruli

Dr. Mohd Faisal Mohamed

Encik Abdul Ghani Abdullah

Encik Ali Abdullah @ Lee Kin Hong

Puan Nur Habeebah Muniandi

Sidang Editorial

Prof. Madya Dr. Razaleigh Muhamat @ Kawangit

Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail

Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani

Prof. Madya Dr. Mariam Abd. Majid

Dr. Muhammad Yusuf Marlon Abdullah

Dr. Nor Raudah Hj. Siren

Dr. Muhammad Ayman al-Akiti

Dr. Aisyah Jami'an, S.Ag

Dr. Azri Bhari

Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif

Dr. Amiratul Munirah Yahaya

Dr. Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao

Dr. Faezy Adenan

Encik Ahmad A'toa' Mokhtar

Encik Kamarulzaman Kawi

Urusetia

Encik Firdaus Lokman Tah

Encik Ahmad Hasaidi Said

Encik Muhammad Hizam Abdul Rahim

Cik Nur Shazleen R. Samsul Bahari

Cik Umi Musfirah Abdul Ghani

PENDAHULUAN

Buku pengajian Sirah Tahap Asas ini digunakan untuk membimbing mualaf yang baharu hendak mengenali Islam atau orang bukan Islam yang berminat untuk memahami tentang Islam.

Pengajian Sirah Tahap Asas merupakan aspek asas yang penting bagi mengenal sirah Nabi Muhammad SAW yang diutuskan Allah SWT sebagai Rasul dan Nabi-Nya. Nabi Muhammad SAW adalah sebaik-baik penciptaan yang wajib kita ikuti dan contohi.

Mengetahui dan mengamalkan sunah Nabi Muhammad SAW sebagai rujukan, ikutan dan teladan yang memastikan kehidupan harian kita berlandaskan syariat dengan memakmurkan muka bumi yang sudah sedia diciptakan oleh Allah SWT ini dan melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya berlandaskan al-Quran dan as-Sunah.

Oleh itu, buku ini diterbitkan kepada mualaf yang mahu mengenali dirinya sebagai hamba dan mengenali Allah SWT sebagai Penciptanya dan Nabi Muhammad itu sebagai utasan-Nya.

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 - PENGENALAN SIRAH NABI SAW

1. KONSEP DAN KEPENTINGAN SIRAH NABI SAW	1
1.1 Pengertian Sirah Nabi SAW	1
1.2 Peranan dan Kepentingan Mempelajari Sirah Nabi SAW	1
1.3 Kronologi Sirah Nabi SAW Secara Ringkas Ketika Baginda SAW di Mekah	3

BAHAGIAN 2 - PENGENALAN KEPADA NABI MUHAMMAD SAW

2. PENGENALAN KEPADA NABI MUHAMMAD SAW	4
2.1 Latar Belakang Masyarakat Arab	4
2.2 Sebab-sebab Islam Diturunkan di Tanah Arab	6
2.3 Nasab Nabi Muhammad SAW	8
2.4 Kemuliaan Bangsa Arab Quraisy	9
2.5 Peristiwa Kelahiran Nabi Muhammad SAW	12
2.6 Kebangkitan Nabi Muhammad SAW Disebut dalam Kitab-kitab Terdahulu	13
2.7 Pelantikan Sebagai Rasul Melalui Penurunan Wahyu	15

BAHAGIAN 3 - AKHLAK PERIBADI NABI MUHAMMAD SAW

3. AKHLAK PERIBADI NABI MUHAMMAD SAW	17
3.1 Fizikal Nabi Muhammad SAW	17
3.1.1 Bentuk Tubuh Nabi Muhammad SAW	17
3.1.2 Rambut Nabi Muhammad SAW	21
3.1.4 Uban Nabi Muhammad SAW	23
3.2 Zaman Kanak-kanak	25
3.3 Zaman Remaja dan Dewasa	26
3.4 Sifat-sifat Nabi Muhammad SAW	30

BAHAGIAN 1

PENGENALAN SIRAH NABI SAW

1. KONSEP DAN KEPENTINGAN SIRAH NABI SAW

1.1 Pengertian Sirah Nabi SAW

Pengertian Sirah dari Segi Bahasa: Perkataan sirah berasal daripada perkataan Arab iaitu Sirah (سیرۃ) dan kata jamaknya “siyaru” (سیرۃ) yang bermaksud jalan.

Pengertian dari Segi Istilah: Sirah Nabi SAW ialah Perjalanan yang dilalui oleh nabi SAW sepanjang hidupnya, semenjak baginda dilahirkan sehingga tarikh wafatnya, iaitu keseluruhan peristiwa yang berlaku di antara tempoh itu.

1.2 Peranan dan Kepentingan Mempelajari Sirah Nabi SAW

Antara peranan dan kepentingan mempelajari sirah Rasulullah SAW adalah seperti berikut:

- 1) Mengetahui riwayat dan perjalanan hidup Nabi Muhammad SAW.
- 2) Mengetahui peristiwa-peristiwa penting berkaitan Nabi SAW, keluarga, para sahabat dan agama Islam.
- 3) Mengambil pengajaran dan teladan daripada perjalanan hidup dan perjuangan Nabi SAW dalam menegakkan Islam dan membangunkan tamadun manusia.

- 4) Setiap Muslim dapat memahami, menganggap dan menggambarkan bahawa hakikat zahir dan batin Agama Islam semuanya teradun di dalam kehidupan Rasulullah SAW itu sendiri.
- 5) Seseorang Muslim itu dapat memahami dengan betul segala hikmah dan keistimewaan prinsip-prinsip dan dasar-dasar Islam.
- 6) Memahami peribadi Nabi Muhammad SAW menerusi kehidupan dan suasana hidup Baginda SAW sendiri. Ini menentukan bahawa segala tindakan Nabi Muhammad SAW itu bukan semata mengikut hawa nafsu tetapi meyakinkan kita bahawa Baginda SAW adalah utusan Allah SWT yang menerima Wahyu dan Taufiq dari-Nya.
- 7) Membolehkan para pendidik, pendakwah, dai dan semua lapisan masyarakat Muslim mengetahui dan mencontohi serta dapat menyampaikan dakwah mengikut sistem pendidikan dan pengajaran yang sihat dan berhikmah kerana Nabi Muhammad SAW sendiri adalah sebagai pendidik, penasihat, guru dan pertunjuk yang utama.
- 8) Membuktikan dan menyatakan bahawa Nabi SAW tidak pemah membuang masa, malah sentiasa berwawasan, berprinsip dan mengkaji sistem-sistem pengajaran yang terbaik dan berhikmah semasa baginda SAW ingin berdakwah.
- 9) Dengan mempelajari sirah Rasulullah SAW kita akan dapat mengikuti dan mencontohi kehidupan Rasulullah SAW. Rasulullah SAW telah menunjukkan kepada kita cara hidup yang baik serta dapat memberikan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

1.3 Kronologi Sirah Nabi SAW Secara Ringkas Ketika Baginda SAW di Mekah

Kehidupan di Mekah	
571 Masihi (Sebelum Nabi Muhammad SAW Dilahirkan)	Kewafatan bapa Nabi Muhammad SAW iaitu, Abdullah.
6 tahun	Kewafatan Ibu Nabi Muhammad SAW iaitu Aminah.
8 tahun	Kewafatan Datuk Nabi Muhammad SAW iaitu Abdul Mutalib.
12 tahun	Berniaga kali pertama ke Syam (Syria).
24 tahun	Berniaga kali kedua ke Syam.
25 tahun	Berkahwin dengan Siti Khadijah RA.
35 tahun	Menyelesaikan masalah perletakan Batu Hajar al-Aswad.
40 tahun	Dilantik menjadi Rasul pada 610 Masihi.

Rajah 1: Kronologi Sirah Nabi SAW di Mekah

BAHAGIAN 2

PENGENALAN KEPADA NABI MUHAMMAD SAW

2. PENGENALAN KEPADA NABI MUHAMMAD SAW

Nabi Muhammad SAW merupakan Nabi dan Rasul yang terakhir diutuskan oleh Allah SWT bagi menjadi model terulung untuk seluruh alam. Kedatangan Nabi Muhammad SAW adalah bertujuan untuk menyempurnakan akhlak manusia.

2.1 Latar Belakang Masyarakat Arab

Suatu ketika, dunia telah dikuasai oleh dua kerajaan yang hebat iaitu Parsi dan Rom. Manakala Greek dan India pula berada disenarai yang kedua. Parsi pada waktu itu merupakan arena pertarungan agama dan falsafah yang beraneka corak. Pembesar dan pemerintah pada keseluruhannya menganut Agama Majusi (Zuradisy), antara ajarannya menggalakkan lelaki berkahwin dengan ibunya, anak perempuannya atau adik dan saudara perempuannya.

Kerajaan Rom pula begitu semangat dengan jiwa penjajahan dan bergelut dalam persengketaan agama dengan pihak Kristian negeri Syam (Syria) dan Mesir. Kerajaan bergantung penuh kepada kekuatan angkatan tenteranya dan cita-cita penjajahannya yang berkobar-kobar dalam rangka percubaan memodenisasikan agama Kristian untuk di sesuaikan dengan matlamat mencapai cita-cita dan kemahuan kerajaan.

Seterusnya, Kerajaan Parsi pula hidup dalam kemewahan iaitu kemewahan dalam kemerosotan ekonomi dan pemerasan terhadap rakyat jelata. Kenaikan cukai yang begitu melambung tinggi merupakan suatu gejala yang biasa dan telah menjadi satu lumrah. Kerajaan Greek pula tenggelam dengan suasana

khurafat dan dongeng yang tidak memberi faedah dan kesan yang baik. Negara India pula pada waktu itu berlaku kemerosotan agama, akhlak dan kemasyarakatan.



Gambar 1: Gambaran Peta Kawasan Timur Tengah pada Abad Keenam


Berbeza pula dengan Semenanjung Tanah Arab suatu ketika dahulu merupakan kawasan yang tenang, jauh dan terpencil serta terhindar daripada gejala huru-hara. Bangsa Arab langsung tidak pernah merasai kemewahan dan kemajuan seperti Tamadun Parsi yang boleh membawa kepada kerosakan, keruntuhan akhlak dan tidak pula berbangga dengan kekuatan tentera yang membolehkan menjajah negara-negara di sekitarnya. Bangsa Arab juga tidak menganut falsafah dan ideologi yang beraneka ragam seperti Greek yang menyebabkannya menjadi mangsa kepada dongeng dan

khurafat. Semenanjung Arab dari sudut kedudukan geografi pula terletak di pertengahan Kerajaan Parsi dan Rom yang bergolak di sekelilingnya.

2.2 Sebab-sebab Islam Diturunkan di Tanah Arab

Antara hikmah yang boleh diperolehi ialah suasana persekitaran tempat Nabi SAW diutuskan berada dalam keadaan masyarakat yang buta huruf berbanding dengan bangsa-bangsa lain yang hidup di sekelilingnya. Selain itu, pemikiran masyarakat Arab pula belum pernah dimasuki dan diracuni oleh tamadun dan falsafah yang berserabut.

Dari sudut kedudukan geografi, Semenanjung Tanah Arab ini telah dipilih sebagai tempat permulaan penyebaran dakwah kerana situasi dan kedudukannya berada di tengah-tengah pelbagai bangsa dan negara. Hal ini menyebabkan penyebaran dakwah dalam kalangan bangsa dan negara yang ada di sekelilingnya tersebar dengan mudah dan pantas. Contohnya dapat dilihat melalui perkembangan perjalanan dakwah di zaman permulaan hingga ke zaman Khulafa ar-Rashidin dan seterusnya.



Gambar 2: Gambaran Peta Semenanjung Tanah Arab pada Abad Keenam Masihi (Sumber: Farah dan Karls, World History Human Experience. New York: Glenceo, 1999, halaman 280)

Sebelum Nabi Muhammad SAW diutuskan, Allah SWT telah menentukan bahawa Baitullah (Kaabah) terletak di tengah-tengah semenanjung Tanah Arab, iaitu Kota Mekah dan menjadi tapak asas dakwah Nabi Ibrahim AS. Mekah juga menjadi suatu tempat yang ramai pengunjung daripada kalangan jemaah haji, para pedagang, para sasterawan dan juga penyair. Oleh itu, atas faktor-faktor tersebut ia memudahkan penyampaian dakwah kepada pengunjung yang akan pulang ke negeri masing-masing dengan membawa berita kerasulan.

2.3 Nasab Nabi Muhammad SAW

Adalah penting untuk mengetahui salasilah keturunan Nabi Muhammad SAW sebagai langkah pertama bukti mencintai dan mengikuti cara hidup (sunnah) Nabi Muhammad SAW. Salah satu keistimewaan Nabi Muhammad SAW adalah memiliki susur galur keturunan yang mulia dan jelas nasabnya bersambung hingga kepada manusia pertama Nabi Adam AS. Meskipun ayah dan ibunya terlebih dahulu wafat, namun nasab Nabi Muhammad SAW tetap dikenali dan diabadikan secara terperinci.

Salasilah keturunan nasab Nabi Muhammad SAW ialah Muhammad SAW bin Abdullah bin Abdul Muthalib bin Hasyim bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab bin Murrah bin Kaab bin Luay bin Ghalib bin Fihir bin Malik bin Nadr bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas AS bin Mudlar bin Nizar bin Maad bin Adnan bin Udad bin Hamaisa bin Salaman bin Awash bin Bawash bin Qamwal bin Ubay bin Awam bin Nasyid bin Hiza bin Buldas bin Yadlav bin Thabakh bin Jahim bin Nahisy bin Makha bin Aidil bin Abqar bin Ubaid bin Addia bin Hamdan bin Sanbar bin Yatsraba bin Yahzan bin Yalhan bin Arawa bin Aidil bin Disyan bin Aishar bin Afnad bin Ayham bin Maqshar bin Nahits bin Zarah bin Sama bin Maza bin Audlah bin Aram bin Qaidar bin Ismail AS bin Ibrahim AS bin Tarakh bin Nahur bun Saru bin Rau bin Falakh bin Abar bin Syalakh bin Arfakhsyad bin Sam bin Nuh AS bin Lamuk bin Matusyalkha bin Akhnukh bin Yard bin Mahlaail bin Qinan bin Ainussy bin Syits bin Adam AS.

Nasab atau salasilah keturunan adalah sesuatu yang sangat penting dipelihara dan diperhatikan dalam Islam. Islam mementingkan nasab dan keturunan sehingga termasuk dalam salah satu daripada lima Maqasid Syariah yang perlu dipelihara. Justeru itu, Islam melarang perbuatan zina. Pandangan Islam terhadap nasab juga menjadikan salah satu aras kedudukan seseorang.

Demikian juga dengan Nabi kita Muhammad SAW, Baginda SAW juga memiliki keutamaan nasab. Baginda SAW merupakan keturunan orang pilihan di setiap generasinya. Dalam hadis Riwayat Muslim (2276) Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَى كِتَانَةً مِنْ وَلَدِ إِسْمَاعِيلَ، وَاصْطَفَى قُرَيْشًا
مِنْ كِتَانَةَ، وَاصْطَفَى مِنْ قُرَيْشٍ بَنِي هَاشِمٍ، وَاصْطَفَاهُنَّ
مِنْ بَنِي هَاشِمٍ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah memilih Bani Kinanah daripada anak-anak keturunan Ismail, dan memilih Bani Quraisy daripada Bani Kinanah, dan memilih Bani Hashim daripada Bani Quraisy, dan memilihku daripada anak keturunan Bani Hasyim.”

Berdasarkan penjelasan hadis di atas menunjukkan Nabi Muhammad SAW berasal daripada bangsa Arab dan suku kaum Quraisy yang telah dipilih oleh Allah SWT.

2.4 Kemuliaan Bangsa Arab Quraisy

Bangsa Arab Quraisy memiliki keistimewaan seperti yang telah disebutkan dalam al-Quran melalui surah al-Quraisy. Keistimewaan ini berkait dengan sejarah sejak zaman Nabi Ibrahim AS dan puteranya Nabi Ismail AS yang telah membina dan membangunkan Kaabah.

Antara keistimewaan bangsa Arab Quraisy ialah memiliki sebuah negara yang aman untuk tempat tinggal suku Quraisy, tempat berdirinya Kaabah dan penghormatan manusia kepada bangsa Quraisy.

Kemuliaan suku Quraisy juga digambarkan dalam hadis riwayat Imam at-Tirmizi (3605) Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَى مِنْ وَلَدِ إِبْرَاهِيمَ إِسْمَاعِيلَ . وَاصْطَفَى مِنْ
وَلَدِ إِسْمَاعِيلَ بَنِي كِنَانَةَ . وَاصْطَفَى مِنْ بَنِي كِنَانَةَ
قُرَيْشًا . وَاصْطَفَى مِنْ قُرَيْشٍ بَنِي هَاشِمٍ . وَاصْطَفَى مِنْ
بَنِي هَاشِمٍ .

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah memilih Ismail daripada anak-anak keturunan Ibrahim. Dan memilih Bani Kinanah daripada anak-anak keturunan Ismail. Lalu Allah memilih Bani Quraisy daripada anak-anak keturunan Bani Kinanah. Kemudian memilih Bani Hasyim daripada anak-anak keturunan Bani Quraisy. Dan memilihku daripada anak keturunan Hasyim.”

Selain itu, tersebut dalam hadis lain riwayat Bukhari (3501) daripada Abdullah bin Umar RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَرَأُ الْأَمْرُ فِي قُرَيْشٍ مَا يَقِي مِنْهُمْ اثْنَانٌ

Maksudnya: “Urusan pemerintahan akan tetap berada pada Bani Quraisy selagi masih ada dua orang dari kalangan mereka.”

Dinyatakan juga dalam hadis riwayat Imam Ahmad (12329), daripada Anas bin Malik RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda

الْأَئِمَّةُ مِنْ قُرِيشٍ ، وَهُمْ عَلَيْكُمْ حَقٌّ ، وَلَكُمْ مِثْلُ ذَلِكَ
مَا إِنْ اسْتَرْجُمُوا رَحْمُوا ، وَإِنْ اسْتُحْكِمُوا عَدَلُوا ، وَإِنْ
عَاهَدُوا وَفُوا ، فَمَنْ لَمْ يَفْعَلْ ذَلِكَ مِنْهُمْ فَعَلَيْهِ لَعْنَةُ اللَّهِ ،
وَالْمَلَائِكَةِ ، وَالنَّاسِ ، أَجْمَعِينَ ،

Maksudnya: “Para imam (pemimpin) itu daripada kalangan Bani Quraisy, sesungguhnya mereka ada hak terhadap kamu dan kamu seperti itu juga (ada hak terhadap mereka), Di mana sekiranya mereka diminta bersikap belas mereka bersikap belas kasihan, apabila mereka berhukum mereka bersikap adil, sekiranya sesiapa yang tidak melakukan demikian dari kalangan mereka, maka dia mendapat lagnat Allah, para malaikat, dan manusia seluruhnya,”

Justeru itu, berdasarkan keistimewaan tersebut, Allah SWT telah memerintahkan kaum Quraisy untuk bersyukur di atas segala nikmat dan anugerah-Nya dengan hanya menyembah Allah SWT. Perintah tersebut terdapat dalam ayat terakhir dalam Surah al-Quraisy (106) ayat 1-4:

﴿١﴾ لِإِلَيْكُمْ قُرِيشٌ إِلَّا لَفِيهِمْ رِحْلَةُ الشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ
﴿٢﴾ فَلَيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ
﴿٣﴾ وَأَمْنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ

Maksudnya: Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Makkah) (1) (laitu) kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman), dan pada musim panas (ke negeri Syam), (2) Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini, (3) Tuhan yang memberi mereka penghidupan: menyelamatkan mereka dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan. (4)

2.5 Peristiwa Kelahiran Nabi Muhammad SAW

Kelahiran Nabi Muhammad SAW pada tarikh 12 Rabiulawal hari Isnin bersamaan 20 April 571 Masihi, tahun Gajah di Mekah al-Mukarramah semasa 40 tahun selepas pemerintahan Raja Kisra Anosyarwan (Raja Parsi).

Baginda SAW membesar sebagai seorang anak yatim. Bapa Baginda SAW iaitu Abdullah telah meninggal dunia ketika ibu Baginda SAW iaitu Aminah baru mengandungkan Baginda SAW pada usia kandungan dua bulan. Bapa Baginda SAW merupakan seorang peniaga. Pada suatu ketika, semasa Abdullah pergi ke Syam (kini dipanggil Syria) untuk bermiaga, beliau singgah di Madinah dan jatuh sakit hingga meninggal dunia dan dikebumikan di sana.

Apabila mencapai umur enam tahun, ibu Baginda SAW pula meninggal dunia. Pemergian ibu Baginda SAW iaitu Aminah bermula tatkala ibu Baginda SAW mahu berangkat ke Yathrib (Madinah). Tujuan beliau ke sana adalah untuk menziarahi kubur suaminya. Beliau telah berangkat ke sana bersama Nabi Muhammad SAW dan Ummu Aiman. Rombongan itu diketuai oleh Abdul Muthalib dan mereka tinggal di Madinah selama sebulan. Dalam perjalanan pulang ke Mekah, Aminah jatuh sakit di Abwak dan akhirnya menghembuskan nafas terakhirnya seterusnya dikebumikan di sana.

Selepas ibu Baginda SAW meninggal dunia, Baginda SAW dipelihara oleh datuk Baginda SAW iaitu Abdul Mutualib sehingga berumur lapan tahun sebelum datuk Baginda SAW pula meninggal dunia. Seterusnya Baginda SAW selanjutnya dipelihara oleh bapa saudara Baginda SAW iaitu Abu Talib sehinggalah Baginda SAW dewasa. Kisah keyatiman Baginda SAW ini telah diceritakan di dalam al-Quran, Surah ad-Dhuha (93) ayat 6:

﴿أَلَمْ يَجِدْكَ مَيْتَمًا فَقَاتُوا إِنَّمَا

Maksudnya: *Bukankah Dia mendapati engkau yatim piatu, lalu Ia memberikan perlindungan?*

Pengajaran yang boleh diambil dari kisah Nabi Muhammad SAW dalam keadaan yatim piatu tidak berlaku secara kebetulan sahaja tetapi segala-galanya ini adalah mengikut perancangan Allah SWT untuk masa depan Rasul SAW dan ianya mengandungi hikmah agar tiada sesiapapun yang akan menaruh sangkaan buruk bahawa seruan Nabi Muhammad SAW itu adalah dari ilham dan latihan ibu Baginda SAW semasa menyusu ataupun hasil dan tunjuk ajar dari bapa atau datuk Baginda SAW.

2.6 Kebangkitan Nabi Muhammad SAW Disebut dalam Kitab-kitab Terdahulu

Ketika berusia dua belas tahun, Nabi Muhammad SAW dibawa oleh bapa saudara Baginda SAW iaitu Abu Talib ke negeri Syam (Syria). Ketika mereka sampai di suatu tempat yang dikenali dengan “Basra”, mereka telah bertemu dengan seorang paderi yang bernama “Buhaira”, seorang yang mahir mengenai Kitab Injil dan agama Nasrani (Kristian). Beliau telah memerhati Nabi Muhammad SAW kemudian bertanya kepada Abu Talib, katanya: “Budak ini anak tuan hambakah? Lantas dijawab oleh Abu Talib; Kenapa tidak! Ya, budak ini anakku. Oleh sebab Abu Talib terlalu kasih dan sayang kepada Nabi

SAW sejak dahulu lagi, maka beliau sering menyebut baginda sebagai anaknya.

Kemudian Buhaira menegaskan; "Bapa budak ini tidak mungkin masih hidup." Abu Talib menjawab; "Sebenarnya budak ini anak saudaraku, bapanya meninggal dunia ketika dia masih dalam perut ibunya". Paderi tadi menambah; "Memang benar apa yang engkau ceritakan kerana segala-galanya tercatat dalam Injil dan di sini ingin saya memberi nasihat iaitu supaya segeralah engkau membawanya pulang sebab kalaularah ternampak oleh orang-orang Yahudi, mereka akan mengancam nyawanya kerana anak saudaramu ini pada masa akan datang akan membawa suatu perkara besar dan agung". Maka Abu Talib pun bersegera pulang ke Mekah bersama Nabi Muhammad SAW.

Pengajaran yang boleh diambil daripada kisah pertemuan dengan Buhaira semasa di negeri Syam (Syria) adalah menunjukkan bahawa ahli kitab iaitu orang Yahudi dan Nasrani sudah pun mengetahui tentang pengutusan Nabi Muhammad SAW melalui kitab Taurat dan Injil yang telah menceritakan satu persatu tentang tanda-tanda dan kedatangannya. Namun, kitab Taurat dan Injil yang ada pada hari ini telah mengalami perubahan dengan penambahan dan pengurangan terhadap kandungan asal menyebabkan tanda atau bukti kedatangan Nabi Muhammad SAW tidak dinyatakan di dalamnya. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 78-79:

وَمِنْهُمْ أُمِيُّونَ لَا يَعْلَمُونَ الْكِتَبَ إِلَّا أَمَانَةً وَإِنْ هُمْ إِلَّا
يَظُنُّونَ ﴿٧٨﴾ فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَبَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ
يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَسْتَرُوا بِهِ ثُمَّنَا قَلِيلًا فَوَيْلٌ
لَّهُمْ مِمَّا كَتَبْتُ أَكَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَّهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: Dan di antara mereka pula ada orang-orang yang buta huruf, mereka tidak mengetahui akan isi Kitab Taurat selain dari penerangan-penerangan bohong (dari ketua-ketua mereka), dan mereka hanyalah berpegang kepada sangkaan-sangkaan sahaja. (78) Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah", supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu. (79)


2.7 Pelantikan Sebagai Rasul Melalui Penurunan Wahyu

Ketika Nabi Muhammad SAW bersendirian (khalwat) di dalam Gua Hira, Baginda SAW didatangi oleh Malaikat Jibril AS. Malaikat Jibril AS telah berkata: *Iqra!* (Bacalah!). Berkata Nabi Muhammad SAW: *Ma Ana biqari* (Saya tidak pandai membaca). Kemudian Malaikat Jibril AS menarik Nabi Muhammad SAW dan dipeluk dengan erat kemudian dilepaskan. Seterusnya Malaikat Jibril AS berkata kali kedua: *Iqra!* (Bacalah!). Berkata Nabi SAW: *Ma Ana biqari* (Saya tidak pandai membaca). Kemudian Malaikat Jibril AS menarik Nabi Muhammad SAW dan dipeluk dengan erat kemudian dilepaskan. Kemudian Malaikat Jibril AS berkata kali ketiga: *Iqra!* (Bacalah!). Berkata Nabi Muhammad SAW: *Ma Ana biqari* (Saya tidak pandai membaca). Kemudian Malaikat Jibril AS menarik Nabi Muhammad SAW dan dipeluk dengan erat kemudian dilepaskan, lalu dibaca ayat 1-3 dari Surah al-Alaq (96):

ۚ أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۚ

ۚ أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۚ

Maksudnya: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk) (1) ia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku; (2) Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah,- (3)



Gambar 3: Gua Hira

Peristiwa yang berlaku ini menunjukkan pelantikan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang Rasul secara rasmi yang berperanan sebagai utusan kepada seluruh manusia. Peristiwa ini menggambarkan proses wahyu pertama kali diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW yang disampaikan melalui Malaikat Jibril AS. Selepas daripada peristiwa ini, maka wahyu mula turun secara beransur-ansur mengikut keadaan dan kesesuaian peristiwa.

BAHAGIAN 3

AKHLAK PERIBADI NABI MUHAMMAD SAW

3. AKHLAK PERIBADI NABI MUHAMMAD SAW

Akhlik Nabi Muhammad SAW boleh dilihat dan terserlah sejak usia kanak-kanak lagi. Hal ini boleh diperhatikan melalui peristiwa yang dinukilkan di bawah.

3.1 Fizikal Nabi Muhammad SAW

3.1.1 Bentuk Tubuh Nabi Muhammad SAW

- 1) Dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari (3548), daripada Anas bin Malik RA berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَسَ
بِالظَّوِيلِ الْبَائِنِ، وَلَا بِالْعَصِيرِ، وَلَا بِالْأَبْيَضِ
الْأَمْهَقِ، وَلِيَسَ بِالْأَدَمِ، وَلِيَسَ بِالْجَعْدِ الْقَطَطِ،
وَلَا بِالسَّبْطِ، بَعَثَهُ اللَّهُ عَلَى رَأْسِ أَرْبَعِينَ سَنَةً،
فَأَقَامَ بِكَعْكَةٍ عَشْرَ سِنِينَ، وَبِالْمَدِيَّةِ عَشْرَ
سِنِينَ، فَتَوَفَّاهُ اللَّهُ وَلِيَسَ فِي رَأْسِهِ وَلِحِينِهِ
عِشْرُونَ شَعْرَةً بَيْضَاءً.

Bermaksud: "Rasulullah SAW bukan orang yang terlalu tinggi, namun tidak pula rendah. Kulitnya tidak putih pucat juga tidak sawo matang. Rambutnya ikal, tidak terlalu keriting dan tidak pula lurus kaku. Beliau diangkat Allah (menjadi rasul) dalam usia 40 tahun. Beliau tingal di Mekah (sebagai Rasul) sepuluh tahun dan di madinah sepuluh tahun. Beliau pulang ke Rahmatullah dalam usia 60 tahun. Dalam keadaan tidak sampai 20 helai uban yang terdapat pada kepala dan janggutnya."

- 2) Dalam hadis riwayat Imam at-Tirmizi (1754), daripada Anas bin Malik RA berkata :

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَبِعَةً لَيْسَ
بِالظَّوَّابِيْلِ وَلَا بِالْقَصِيرِ حَسَنَ الْجِسْمِ أَسْمَرَ اللَّوْنِ
وَكَانَ شَعْرُهُ لَيْسَ بِجَعِدٍ وَلَا سَبَطٍ ، إِذَا مَشَى
يَتَوَكَّأُ

Bermaksud: Rasulullah SAW mempunyai bentuk tubuh yang sedang, tidak tinggi dan tidak pula rendah, serta bentuk tubuhnya bagus, kulitnya bewarna coklat, iaitu percampuran antara putih dan merah, putih kemerah-merahan, rambutnya tidak terlalu keriting dan tidak pula lurus kaku, sekiranya berjalan, pergerakannya condong ke hadapan.

- 3) Dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari (3551) dan Imam Muslim (2337), daripada Al-Bara' bin Azib RA berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا مَرْبُوعًا، بَعِيدًا مَا بَيْنَ الْمُنْكَبَيْنِ، لَهُ شَعْرٌ يَلْبُعُ شَحْمَةً أَذْنِهِ، رَأَيْتُهُ فِي حُلْلَةٍ حَمْرَاءَ، أَمْ أَرَ شَيْئًا قَطُّ أَحْسَنَ مِنْهُ

Bermaksud: “Rasulullah SAW adalah seorang pemuda yang berparas sedang, bahunya bidang, rambutnya lebat mencecah daun telinganya, ak melihatnya memakai pakaian berwarna merah, aku tidak pernah melihat seseorang yang lebih kacak daripadanya”.

- 4) Dalam hadis riwayat Imam at-Tirmizi (3635), daripada al-Bara' bin Azib RA berkata:

مَا رَأَيْتُ مِنْ ذِي مُلْهٖ فِي حُلْلَةٍ حَمْرَاءً أَحْسَنَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَهُ شَعْرٌ يَضْرِبُ مِنْكَبَيْهِ بَعِيدٌ مَا بَيْنَ الْمُنْكَبَيْنِ لَمْ يَكُنْ بِالْفَصِيرِ وَلَا بِالظَّوِيلِ

Bermaksud: “Aku tidak pernah melihat orang yang memiliki rambut limmah, dengan mengenakan pakaian merah, yang lebih tampan daripada Rasulullah,

Baginda memiliki rambut yang mencecah kedua-dua belah bahunya, kedua-dua bahunya bidang, Baginda bukanlah seorang yang rendah dan bukan juga terlalu tinggi”.

- 5) Dalam hadis riwayat Imam at-Tirmizi (3637), daripada Ali bin Abi Talib RA berkata:

لَمْ يَكُنِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالطَّوِيلِ وَلَا
بِالقَصِيرِ شُثُنُ الْكَعَيْنِ وَالْقَدَمَيْنِ ضَخْمُ الرَّأْسِ
ضَخْمُ الْكَرَادِيسِ طَوِيلُ الْمَسْرَةِ إِذَا مَشَى ثَكَفَاً
ثَكَفُوا كَأْمَانًا اخْطَطَ مِنْ صَبَبٍ لَمْ أَرْ قَبْلَهُ وَلَا بَعْدَهُ
مِثْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Bermaksud: “Rasulullah SAW tidak tinggi dan tidak rendah. Telapak tangan dan kakinya terasa tebal (dagingny), namun lembut. Kepalanya besar, tulang sendinya besar. Bulu yang tumbuh di dada hingga pusatnya lebat. Apabila Baginda SAW berjalan, pergerakannya condong ke hadapan seakan-akan sedang turun ke tempat yang rendah. Tidak pernah aku melihat orang yang setanding Baginda SAW, samada sebelum kelahirannya ataupun selepas Baginda SAW wafat”.

3.1.2 Rambut Nabi Muhammad SAW

- 1) Dalam hadis riwayat Imam Muslim (2338), daripada Anas bin Malik RA berkata:

كَانَ شَعْرُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى
أَنْصَافِ أَذْنَيْهِ

Bermaksud: "Rambut Rasulullah SAW menyentuh sehingga bahagian tengah kedua telinganya."

- 2) Dalam hadis riwayat Imam at-Tirmizi (1755), daripada Aisyah RA berkata:

كُنْتُ أَغْتَسِلُ أَنَا وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ مِنْ إِنَاءٍ وَاحِدٍ ، وَكَانَ لَهُ شَعْرٌ فَوْقَ
الجُمَّةِ وَدُونَ الْوَفْرَةِ

Bermaksud: "Aku pernah berkongsi mandi dalam satu bejana air dengan Rasulullah SAW. Baginda memiliki rambut yang panjangnya di atas bahu dan di bawah cuping telinga".

- 3) Dalam hadis riwayat Imam at-Tirmizi (1781), daripada Ummu Hani binti Abi Thalib RA berkata:

قَدِيمٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكَّةَ قَدْمَهُ
وَلَهُ أَرْبَعُ غَدَائِرٍ

Bermaksud: “Semasa penaklukan Kota Mekah, rasulullah SAW memasuki kota ini dengan rambut yang diikat empat”.

3.1.3 Cara Rasulullah SAW Merapikan Rambut

- 1) Dalam hadis riwayat Imam Ibnu Hibban (1359), daripada Aisyah RA berkata:

كُنْتُ أَرْجِلُ رَأْسَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا حَائِضٌ

Bermaksud: “Aku pernah menyisir dan merapikan rambut Rasulullah SAW semasa aku sedang haid”.

- 2) Dalam hadis riwayat Imam Muslim (268), daripada Aisyah RA berkata :

إِنْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَيُحِبُّ التَّيْمُنَ فِي طُهُورِهِ إِذَا تَطَهَّرَ، وَفِي تَرْجُلِهِ، إِذَا تَرَجَّلَ، وَفِي اِنْتِعَالِهِ إِذَا اِنْتَعَلَ

Bermaksud: “Rasulullah SAW suka memulakan anggota sebelah kanan semasa bersuci, menyisir rambut dan memakai sandal.”

- 3) Dalam hadis riwayat Imam at-Tirmizi (1756), daripada Abdullah bin Mugahaffal RA berkata:

هُنَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ التَّرْجُلِ
إِلَّا عَبْدًا

Bermaksud: “Rasulullah SAW melarang menyisir rambut, kecuali sesekali (tidak kerap)”.

3.1.4 Uban Nabi Muhammad SAW

- 1) Dalam hadis riwayat Albani dalam Mukhtasar Syamail (30), daripada Qatadah RA bertanya kepada Anas bin Malik RA:

فُلِتْ لَأَنَسِ بْنِ مَالِكٍ : هَلْ خَضْبٌ رَسُولُ اللَّهِ
؟ قَالَ : لَمْ يَلْعُذْ ذَلِكَ ، إِنَّمَا كَانَ شَيْئًا فِي
صِدْعَيْهِ ، وَلَكِنْ أَبُو بَكْرٍ خَضَبَ بِالْحَنَاءِ
وَالْكَتَمِ

Bermaksud: Aku bertanya kepada Anas bin Malik: "Pernahkah Rasulullah SAW mewarnakan ubannya?" Anas bin Malik menjawab: "Baginda tidak sampai melakukannya. Meski sudah ada beberapa helai uban di kedua-dua pelipisnya. Namun begitu, Abu Bakar RA pernah mewarnakan ubannya dengan hinna dan katam. (jenis tanaman rumput sebagai pewarna rambut, menjadikan rambut kemerah-merahan).

- 2) Dalam hadis riwayat Imam Ibnu Hibban (6293), daripada Anas bin Malik RA berkata:

مَا عَدَدْتُ فِي رَأْسِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلِحِيَتِهِ إِلَّا أَرْبَعَ عَشْرَةً بَيْضَاءً

Bermaksud: “Aku hanya menemukan 14 helai uban di rambut dan janggut Rasulullah SAW”.

- 3) Dalam hadis riwayat Albani dalam Mukhtasar Syamail (32), ditanya Jabir bin Samurah RA:

فِيلَ لِجَابِرِ بْنِ سَمْرَةَ: أَكَانَ فِي رَأْسِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْءٌ؟ قَالَ: لَمْ يَكُنْ فِي رَأْسِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْءٌ إِلَّا شَعَرًا فِي مَفْرِقِ رَأْسِهِ، إِذَا ادْهَنَ وَارَاهُنَّ الدُّهْنَ

Bermaksud: “Adakah kepala Rasulullah SAW mempunyai uban?” Jabir menjawab, “di kepala rasulullah SAW tidak ada uban, kecuali beberapa helai di belahan rambutnya yang tertutup minyak apabila Baginda memakai minyak di rambutnya.”

3.2 Zaman Kanak-kanak

Rasulullah SAW menghabiskan empat tahun pertama zaman kanak-kanaknya di padang pasir perkampungan Bani Saad. Oleh itu, Baginda SAW membesar dengan tubuh yang kuat, fizikal yang sempurna, lidah yang fasih, jiwa yang berani dan mampu menunggang kuda dengan baik sekalipun masih kecil usianya. Bakat Baginda SAW terasa dalam kemurnian dan keheningan padang pasir, di bawah kilauan pancaran matahari dan udara yang bersih.

Pada awal remaja, Baginda SAW menggembala kambing untuk penduduk Mekah dengan bayaran upah beberapa qirat (1/24 dinar). Dalam hadis riwayat al-Bukhari (2262), Baginda SAW bersabda:

مَا بَعَثَ اللَّهُ نِبِيًّا إِلَّا رَعَى الْعَنَمَ . فَقَالَ أَصْحَابُهُ وَأَنَّتِ
فَقَالَ نَعَمْ كُنْتُ أَرْعَاهَا عَلَى قَرَبِطَ لِأَهْلِ مَكَّةَ

Maksudnya : *Tidak diutus Para Nabi kecuali pernah menjadi penggembala kambing. Para sahabat bertanya, "Apakah engkau juga wahai Rasulullah?" Baginda berkata, "ya, saya telah menggembala dengan imbalan beberapa qirat (mata wang dinar) daripada penduduk Mekah."*

Hikmah disebalik pekerjaan menggembala kambing sebelum masa kenabian adalah agar Nabi Muhammad SAW terbiasa dengan sifat sabar dalam menguruskan kambing sebagai persediaan menguruskan isu manusia pada masa akan datang.



Gambar 4: Mengembala Kambing Adalah Pekerjaan yang Mulia, kerana ia Adalah Sunah Nabi Muhammad SAW

Baginda SAW tidak menyertai rakan-rakan sebayanya dalam kalangan remaja Mekah dalam bersuka ria dan berfoya-foya. Allah SWT telah memelihara Baginda SAW daripada terlibat dalam gejala tersebut. Kitab-kitab sirah menceritakan dengan panjang lebar, semasa usia remaja, Baginda SAW terdengar suara nyanyian daripada salah sebuah rumah di Mekah sempena majlis perkahwinan dan Baginda SAW teringin untuk menyaksikannya akan tetapi Allah SWT menjadikan Baginda SAW tertidur dan hanya terjaga setelah matahari panas terik. Baginda SAW juga tidak terlibat bersama kaumnya menyembah berhala, makan sembelihan untuk berhala, minum arak dan bermain judi. Baginda SAW juga tidak pernah bercakap kasar dan berkata kesat.

3.3 Zaman Remaja dan Dewasa

Sejak Baginda SAW dikenali mempunyai akal yang matang dan pandangan yang bernas. Peristiwa perletakan Hajar Aswad ke tempatnya di Kaabah menjadi bukti yang jelas terhadap perkara ini. Kaabah telah dilanda banjir

menyebabkan dindingnya retak. Oleh itu, penduduk Mekah membuat keputusan meruntuhkannya dan memperbarahu binaannya. Mereka melaksanakan keputusan itu. Namun, apabila pembinaan sampai ke peringkat meletak Hajar Aswad ke tempat asalnya, mereka bertengkar tentang siapakah yang akan mendapat penghormatan untuk meletak Hajar Aswad ke tempatnya. Setiap kabilah ingin mendapat penghormatan itu. Pertelingkahan bertambah hebat sehingga mereka saling mengancam untuk berperang. Kemudian mereka bersetuju untuk merujuk kepada orang pertama yang memasuki pintu masuk Bani Syaibah (salah satu pintu Masjidil Haram) sebagai hakim.



Gambar 5: Hajar Aswad

Sejurus kemudian, orang pertama yang memasuki masjid melalui pintu itu ialah Rasulullah SAW. Apabila mereka melihat Baginda SAW, mereka berkata: Ini *al-Amin* (gelaran kepada Rasulullah SAW). Kami rela dengan ketetapannya. Apabila Baginda SAW diberitahu tentang pertelingkahan tersebut, Baginda SAW menyelesaikan masalah itu dengan penyelesaian yang dipersetujui oleh semua pihak yang bertelingkah. Baginda SAW membentangkan kain

selendangnya, kemudian mengambil Hajar Aswad dan diletakkan ke atas kain itu. Baginda SAW kemudiannya menyuruh setiap ketua kabilah memegang setiap penjuru selendang. Apabila mereka mengangkatnya dan Hajar Aswad itu tiba ke tempat letaknya, Baginda SAW mengambil dan meletakkannya ke tempatnya dengan tangan Baginda SAW. Mereka semua berpuas hati. Allah SWT telah mengelakkan daripada berlaku pertumpahan darah orang-orang Arab melalui kecerdikan dan kebijaksanaan akal Baginda SAW.

Semasa remaja, Baginda SAW dikenali sebagai seorang yang jujur dan amanah dalam kalangan kaumnya. Baginda SAW terkenal dengan hubungan baik, menepati janji, perjalanan hidup mengikut landasan yang lurus dan reputasi baik. Ini menarik minat Siti Khadijah RA untuk memberi tawaran kepada Baginda SAW agar memperniagakan harta dagangannya dengan mengamanahkan Nabi Muhammad SAW rombongan perniagaan ke kota Busra setiap tahun.

Siti Khadijah RA telah menyerahkan harta dagangan kepada Baginda SAW, sekali ganda lebih banyak berbanding yang diberikan kepada lelaki daripada kaumnya sendiri. Apabila Baginda SAW pulang ke Mekah, hamba Siti Khadijah RA iaitu Maisarah telah menceritakan kepadanya sikap amanah dan ikhlas Baginda SAW. Siti Khadijah RA juga melihat keuntungan banyak yang diperolehi dalam perniagaan tersebut. Kesemua itu mendorong beliau untuk menggandakan upah Baginda SAW daripada yang telah dijanjikan. Perkara ini juga menarik minat Siti Khadijah RA untuk melamar Baginda SAW.

Baginda SAW telah menerima lamaran Siti Khadijah RA. Siti Khadijah RA merupakan isteri pertama Nabi Muhammad SAW. Siti Khadijah RA merupakan anak kepada Khuwailid ibn Asad dan Fatimah binti Zaidah dan termasuk dalam suku Banu Hashim. Sewaktu Nabi Muhammad SAW bernikah dengan Siti Khadijah RA, umur Khadijah berusia 40 tahun sedangkan Nabi Muhammad SAW hanya berumur 25 tahun. Tetapi menurut Ibnu Katsir mereka berkahwin dalam usia yang sebaya. Nabi Muhammad SAW bersama dengannya sebagai suami isteri

selama 25 tahun iaitu 15 tahun sebelum "bithah" dan 10 tahun selepasnya iaitu sehingga wafatnya Siti Khadijah RA, kira-kira 3 tahun sebelum hijrah. Khadijah wafat semasa beliau berusia 65 tahun. Beliau merupakan isteri yang tidak pernah dimadukan kerana kesemua isterinya yang dimadukan adalah berlaku selepas daripada wafatnya Siti Khadijah RA. Di samping itu, kesemua anak Baginda SAW kecuali Ibrahim adalah hasil perkahwinan Baginda SAW bersama Mariah Qibtiah. Mas kahwin daripada Nabi Muhammad SAW. sebanyak 20 "bakrah" dan upacara perkahwinan diadakan oleh saudaranya Amr bin khuwailid kerana bapanya telah meninggal.

Kata-kata Khadijah merupakan perakuan terbaik terhadap kebaikan akhlak Baginda SAW sebelum kenabian. Kata-kata ini beliau ungkapkan ketika menenangkan Baginda SAW yang pulang dalam keadaan menggeletar ketakutan setelah didatangi wahyu di Gua Hira: "*Tidak sekali-kali. Demi Allah, Allah tidak akan sekali kali menghina kamu. Kamu menghubungkan silaturahim, membela pihak yang lemah, memberi pendapatan kepada yang tidak berharta, memuliakan tetamu dan menolong mereka yang berhak.*"

Rasulullah SAW dikurniakan seramai tujuh orang anak. 6 orang daripadanya merupakan hasil perkahwinan Baginda SAW bersama Saidatina Siti Khadijah RA iaitu Qasim, Abdullah, Fatimah, Zainab , Ruqayyah dan Ummu Kalthum. Manakala seorang lagi yang bernama Ibrahim merupakan hasil perkahwinan Baginda SAW bersama dengan Sayidatina Mariah al-Qibtiyah.

Baginda SAW bermusafir keluar daripada Mekah sebanyak dua kali. Pertama, ketika berusia 12 tahun bersama bapa saudaranya, Abu Talib. Kedua, ketika berusia 25 tahun, sebagai peniaga kepada harta dagangan Siti Khadijah RA. Kedua-dua destinasi perjalanan ini ke kota Busra di Syam. Dalam kedua-dua perjalanan ini, Baginda SAW mendengar perbualan para peniaga dan memerhatikan adat-adat yang diamalkan oleh penduduknya.

Beberapa tahun sebelum diutuskan sebagai Nabi, Allah SWT telah menimbulkan rasa cinta kepada Baginda SAW untuk pergi ke Gua Hira (sebuah bukit yang berdekatan dengan Kota Mekah yang terletak di barat laut Mekah). Baginda bersendirian (khalwat) di dalamnya selama sebulan (bulan Ramadan) kerana memikirkan tanda-tanda kebesaran Allah SWT dan kehebatan serta kekuasaan-Nya. Perkara ini berterusan sehingga turunnya wahyu kepada Baginda SAW.

3.4 Sifat-sifat Nabi Muhammad SAW


Nabi Muhammad SAW mempunyai perilaku dan akhlak yang sangat mulia terhadap sesama manusia, khususnya terhadap umatnya tanpa membezakan atau memandang seseorang daripada status sosial, warna kulit, suku bangsa atau golongan. Nabi SAW selalu berbuat baik kepada sesiapa sahaja bahkan kepada orang yang tidak baik kepadanya. Oleh sebab itu, Nabi Muhammad SAW disebut sebagai manusia yang memiliki akhlak yang paling agung dalam al-Quran Surah al-Ahzab (33) ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لَمْنَ كَانَ
يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا
۝

Maksudnya: Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)

Nabi Muhammad SAW memiliki akhlak dan sifat-sifat yang sangat mulia dan terpuji. Sifat-sifat kenabian yang perlu

dipelajari dan dicontohi adalah bersifat benar (*siddiq*), jujur (*amanah*), bijaksana (*fatanah*), dan menyampaikan (*tabligh*).



Rajah 1: Sifat Wajib bagi Nabi Muhammad SAW

Sifat pertama ialah *Siddiq* bererti benar. Pada diri Nabi SAW, bukan hanya perkataannya sahaja yang benar, malah perbuatannya juga benar, iaitu selari dengan ucapannya. Jadi mustahil bagi Nabi SAW itu bersifat pembohong, penipu dan sebagainya sebagaimana dalam Surah an-Najm (53) ayat 4-5:

إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى ﴿٤﴾ عَلَّمَهُ وَشَدِيدُ الْقُوَى ﴿٥﴾

Maksudnya: Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

(4) wahyu itu (disampaikan dan) diajarkan kepadanya oleh (malaikat jibril) yang amat kuat gagah, - (5)

Sifat kedua ialah *Amanah* bermaksud jujur. Jika satu urusan diserahkan kepadanya, nescaya orang percaya bahawa urusan itu akan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Oleh sebab itulah Nabi SAW diberi gelaran oleh penduduk Mekah dengan gelaran ‘al-Amin’ yang bermaksud dipercayai sebelum beliau diangkat menjadi Nabi. Setiap perkataan yang Nabi SAW ucapkan, dipercayai dan diyakini penduduk Mekah kerana terkenal sebagai seorang yang tidak pernah berdusta sebagaimana dalam al-Quran, Surah al-A'raaf (7) ayat 68:

أَبْلَغْتُكُمْ رِسْلَتِ رَبِّيْ وَأَنَا لَكُمْ نَاصِحٌ أَمِينٌ


Maksudnya: (*Tugasku*) menyampaikan kepada kamu akan perintah-perintah (yang diutuskan oleh) Tuhanmu, dan aku adalah pemberi nasihat yang amanah, bagi kamu. (68)

Mustahil Nabi SAW bersikap khianat terhadap orang yang memberinya amanah. Baginda SAW tidak pernah menggunakan kedudukannya sebagai rasul atau sebagai pemimpin bangsa Arab untuk kepentingan peribadinya atau kepentingan keluarganya, namun yang dilakukan Nabi SAW adalah semata-mata untuk kepentingan Islam melalui ajaran Allah SWT. Diceritakan dalam kitab *Sirah Nabawiyah* Ibnu Hisyam, bahawa ketika Nabi SAW ditawarkan kerajaan, harta, wanita oleh kaum Quraisy supaya meninggalkan tugasannya menyebarluaskan dakwah Islam.

Dalam hadis riwayat Imam al-Baihaqi, daripada kitab ‘*Dalail Nubuwah lil-Baihaqi*’ (522):

...فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " يَا عَمَّ ،
لَوْ وُضِعَتِ الشَّمْسُ فِي يَمِينِي وَالْقَمَرُ فِي يَسَارِي مَا تَرَكْتُ
هَذَا الْأَمْرَ حَتَّى يُظْهِرَهُ اللَّهُ تَعَالَى أَوْ أَهْلِكَ فِي طَلَبِهِ

Maksudnya: ...Maka Rasulullah SAW bersabda (menjawab): “Demi Allah... wahai pakcik, seandainya mereka dapat meletakkan matahari di tangan kananku dan bulan di tangan kiriku agar aku meninggalkan tugas suciku, maka aku tidak akan meninggalkannya sampai Allah memenangkan (Islam) atau aku hancur kerananya”.

Meskipun kaum kafir Quraisy mengancam akan membunuh Nabi SAW, namun Baginda SAW tidak gentar dan tetap menjalankan amanah dakwah yang diterima. Setiap orang Muslim sepatutnya memiliki sifat amanah seperti Nabi SAW.

Sifat ketiga ialah *Tabligh* bermaksud menyampaikan. Segala perintah dan larangan Allah SWT di dalam al-Quran yang ditujukan kepada manusia telah disampaikan oleh Nabi. Tidak ada yang disembunyikan. Sebagaimana dinyatakan di dalam al-Quran, Surah al-Jin (72) ayat 28:

لَيَعْلَمَ أَنْ قَدْ أَبْلَغُوا رِسَالَتِ رَبِّهِمْ وَأَحَاطَ بِمَا لَدَيْهِمْ
وَأَحْصَى كُلَّ شَيْءٍ عَدَدًا
(28)

Maksudnya: "(Tuhan mengadakan malaikat-malaikat itu) supaya la mengetahui bahawa

sesungguhnya - (dengan jagaan mereka) - Rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka, (dengan sempurna); pada hal la memang mengetahui dengan meliputi segala keadaan yang ada pada mereka, serta la menghitung tiap-tiap sesuatu: satu persatu". (28)

Dinyatakan juga di dalam Surah 'Abasa (80) ayat 1-2:

عَبَسَ وَتَوَلَّ ۝ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى

Maksudnya: ia memasamkan muka dan berpaling, (1) Kerana ia didatangi orang buta. (2)

Dinyatakan dalam suatu hadis riwayat Imam at-Tirmizi (3331):

أَنْزِلَ: عَبَسَ وَتَوَلَّ فِي ابْنِ أُمَّ مَكْتُومَ الْأَعْمَى، أَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَعَلَ يَقُولُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرْشِدْنِي، وَعِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ مِّنْ عُظُمَاءِ الْمُشْرِكِينَ، فَجَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعْرِضُ عَنْهُ وَيَقْبَلُ عَلَى الْآخِرِ، وَيَقُولُ: أَتَرِ بِمَا أَقُولُ بَأَسَأَ؟ فَيَقُولُ: لَا، فَفِي هَذَا أَنْزِلٌ

Bermaksud: Diturunkan firman Allah SWT surah 'Abasa berkenaan dengan kisah Ibni Ummi Maktum yang buta, telah datang kepada Rasulullah SAW sambil berkata: "Wahai Rasulullah berilah petunjuk kepadaku," Pada waktu itu Rasulullah SAW sedang menghadapi para pembesar kaum musyrikin Quraisy, sehingga Rasulullah berpaling daripadanya dan tetap

melayani pembesar-pembesar Quraisy. Ibnu Ummi Maktum berkata: "Apakah yang saya katakan ini mengganggu tuan?" Rasulullah menjawab: "Tidak". Maka disebabkan ini diturun ayat 1-10 daripada surah 'Abasa

Sebenarnya respon yang diberikan oleh Nabi SAW itu dilihat adalah sesuatu yang wajar. Ketika sedang berbicara di depan umum atau dengan seseorang, tentu kita tidak suka diganggu oleh orang lain. Sebagai seorang yang memiliki sifat *tabligh*, meskipun ayat tersebut adalah teguran daripada Allah SWT, Nabi Muhammad SAW tetap menyampaikan. Mustahil Nabi Muhammad SAW bersifat '*kitman*' iaitu menyembunyikan wahyu.

Sifat keempat ialah *Fatonah* bermaksud bijaksana. Nabi Muhammad SAW memerlukan kepada kecerdasan yang luar biasa dalam menyampaikan 6,236 ayat al-Quran dan menjelaskannya dalam puluhan ribu hadis. Nabi juga mampu menjelaskan dan menerangkan ayat al-Quran kepada kaumnya sehingga mereka mahu menerima Islam. Nabi Muhammad SAW juga mampu berdebat dengan orang bukan Islam dengan cara yang rasional. Seterusnya, Nabi Muhammad SAW juga perlu mengatur kaum bangsa Arab yang jahil, berpecah-belah dan saling berperang antara suku untuk menjadi satu bangsa yang berbudaya dan berpengetahuan. Lawan kepada sifat ini adalah bodoh, mustahil bagi Nabi Muhammad SAW bersifat bodoh.

RUJUKAN

Al-Quran

Hadis

Akran Dhiya' al-Umuri (2010). *Shahih Sirah Nabawiyah*. (Jakarta: Pustaka al-Sunnah)

Mustafa al-Siba'I (2015), *al-Sirah al-Nabawiyah al-Durus wa 'Ibar (terj.)*, Selangor: Pustaka Salam.

Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti (1983), *Fiqh al-Sirah (terj.)*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

Zaid bin Abdul Karim al-Zaid (1424 H), *Fiqh al-Sirah*, Riyadh: Darut Tadmuriyyah.

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

SIRAH
TAHAP ASAS

ISBN 978-967-26038-0-1



9 7 8 9 6 7 2 6 0 3 8 0 1



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM) 2021